

Gubal akta khas vaksin bina keyakinan masyarakat

Pelaksanaan plan pemberian vaksin di negara ini, akan bermula Mac ini. Secara mudahnya, vaksin mengandungi antigen diperolehi daripada sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria dimatikan atau dilemahkan.

Antigen dalam vaksin berfungsi merangsang sistem daya lawan jangkitan tubuh dan membentuk imuniti terhadap jangkitan penyakit khusus.

Menurut sejarah, vaksin ditemui seawal 1774 bagi mencegah jangkitan cacar. Kemudian kejayaan vaksin dalam mencegah penularan penyakit pada 1977 apabila penyakit cacar berjaya di basmi secara menyeluruh seluruh dunia.

Baru-baru ini, isu vaksin kembali hangat diperkatakan akibat penularan COVID-19. Ada yangkong, namun tidak kurang sangsi. Namun, di manakah kedudukan vaksin dari sudut hak asasi manusia dan perundangan?

Secara amnya, banyak instrumen perundangan antarabangsa membicarakan soal rawatan kesihatan seperti Kod Nuremberg dan Konvensyen Oviedo.

Namun, instrumen perundangan utama membicarakan berkenaan hai ini ialah Deklarasi Pertubuhan Pendidikan, Sainsifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) 2005.

Menurut Perkara 6 deklarasi ini, persetujuan seseorang untuk menerima rawatan (termasuk vaksinasi) adalah perlu.

Bagaimanapun, Perkara 6 ini dibatalkan peruntukan di bawah Perkara 27 di mana persetujuan penerima rawatan tidak semestinya diperlukan.

Perkara 27 Deklarasi UNESCO 2005 menggariskan pemakaian prinsipal di bawah deklarasi ini boleh dihadkan atas sebab melindungi kesihatan awam, dengan syarat ia memenuhi tuntutan tertentu di bawah Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa.

Antara syaratnya sekatan mesti mempunyai matlamat sah dan dijadikan undang-undang bagi memenuhi keperluan mendesak serta perlu berdasarkan dengan matlamat asal sekatan.

Diyakini, sekurang-kurangnya dua peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan isu rawatan kesihatan dan vaksinasi.

Pertama, di bawah Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan mengenai jaminan terhadap kebebasan diri dan perlindungan nyawa.

Menurut keputusan Mahkamah dalam kes Tan Tek Seng ben Suruhannya Perkhidmatan Pendidikan, istilah 'nyawa' di bawah Perkara 5 turut meliputi jaminan terhadap perlindungan kesihatan yang baik.

Perkara 5(1) turut menggariskan kebebasan dan jaminan terabit boleh dihadkan sekiranya ada undang-undang membatiskannya.

Seterusnya, Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan menjamin kesamarataan. Konsep ini mungkin boleh dicerminkan menurut kesamarataan terhadap akses rawatan dan vaksinasi tanpa mengira pangkat, darjat, kepercayaan, bangsa serta status ekonomi.

Secara umumnya, Malaysia tidak mempunyai suatu akta atau undang-undang khusus menyelia perkara berkaitan vaksin dan vaksinasi. Sebaliknya,

undang-undang lain berkaitan diguna pakai bagi memenuhi kompong undang-undang sedia ada.

Misalnya, Akta Kanak-Kanak 2001 kerap digunakan bagi mewajibkan vaksinasi terhadap kanak-kanak di negara ini.

Bagitu juga Akta Pencegahan dan Pengendalian Penyakit Berjangkit 1988. Namun, akta ini lebih bersifat umum dan tidak begitu memfokuskan terhadap aspek vaksinasi.

Lantas, Malaysia dilihat agak terbelakang dalam aspek perundangan vaksin dan vaksinasi jika dibandingkan negara maju.

United Kingdom (UK) sebagai contoh, mempunyai undang-undang berkaitan penagihan vaksin dan vaksinasi sejak 1940 lagi. Terbaru, Akta Coronavirus 2020 digubal di UK bagi mengawal pandemik, termasuklah menagih program vaksinasi.

Walaupun begitu, UK masih tidak mewajibkan pengambilan vaksin dalam kalangan rakyatnya seperti di negara Eropah lain umpamanya Perancis, Jerman dan Itali.

Cadangan mengubah sebuah akta mewajibkan vaksinasi di negara ini, terutama dalam kalangan kanak-kanak secara amnya dimulakan pada 2016.

Namun pada 2019, Kementerian Kesihatan (KKK) berputus untuk undang-undang sedemikian tidak perlu oleh kerana kadar penatutan terhadap penerimaan vaksin dalam kalangan rakyat melebihi 95 peratus.

Apaan, kadar penerimaan vaksin mungkin berbeza selepas dunia menghadapi pandemik COVID-19. Banyak kelompok dalam kalangan masyarakat masih sangsi dengan keberkesanan serta gusar dengan kemungkinan kesan sampingan vaksin COVID-19 sedia ada.

Tidak kurang juga mempersoalkan keselamatan dan kesucian kandungan vaksin berkenaan. Penyelaman maklumat paku berkaitan vaksin COVID-19 juga mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap vaksin yang sudah atau sedang dibangunkan.

Oleh itu, satu akta khusus berkaitan vaksin harus digubal di negara ini. Menurut akta ini, ia mampu menjamin akses vaksin sama rata tanpa ada sebarang diskriminasi dalam masyarakat.

Akta ini juga harus bertindak sebagai mekanisme perundangan menjamin kejuturan dan ketelusan semua pihak terabit, termasuk penerima dan pembayaran vaksin, penyedia penjagaan kesihatan serta kerajaan.

Maklumat berkenaan vaksin dan program vaksinasi harus diberikan dalam format dan bahasa difahami bagi menjamin keberkesanan serta kawala-

matan vaksin itu.

Protokol dan prosedur vaksinasi juga harus dimaklumkan secara jelas dan difahami penerima, manakala penerima vaksin perlu memberikan maklumat latar belakang kesihatan tepat kepada pihak berwajib.

Akta ini juga boleh mempernag mengawal aspek pengeluaran dan pengagihan vaksin, sekali gus mengelak manipulasi harga berlebihan bagi menagih keuntungan pihak tidak bertanggungjawab.

Penting juga dipastikan akta ini mempunyai remedi perundangan tertentu bagi melindungi pihak berkaitan sekiranya ada kecurian dan pelanggaran syarat.

Selain itu, akta sama boleh menyenit soal tatacara khusus penagihan vaksin, sekali gus menyediakan landasan kepada Malaysia untuk menjadi antara negara penagihan vaksin pada masa akan datang.

Di samping itu, pihak berwajib perlu mengambili pelbagai menurut Proklamasi Darurat diterbitkan Yang di-Pertuan Agong bagi mengawal pandemik COVID-19.

Proklamasi Darurat menjotifikasi kan penggabulan undang-undang dalam bentuk ordinan bertujuan untuk mengawal pandemik tanpa perlu melalui proses perundangan kebiasaan di Parliamen.

Namun, harus ditekankan mengubah undang-undang melalui Ordinan Darurat hanya memberi penyelesaian jangka pendek kerana menurut Perkara 150(7) Perlembagaan Persekutuan, ia akan terbit secara sementara selepas enam bulan sesudah Proklamasi Darurat dibatalkan.

Kesimpulannya, penggabulan akta khusus berkenaan vaksin dan vaksinasi perlu bagi menjamin akses dan keberkesanan untuk jangka panjang.

Sekurang-kurangnya, akta ini mampu membina keyakinan dan mengilangkan keraguan disebabkan penyebaran maklumat palsu semakin mendatar dalam kalangan masyarakat.

Golongan akademik dan kerajaan harus lebih giat memainkan peranan bagi memastikan keyakinan rakyat terhadap sistem kesihatan semua dapat dipulihkan, pada masa sama, memastikan keselamatan rakyat terjamin.

Dalam hal ini, aspek kesihatan, pemerintahan dan pendidikan harus berjalan seiring dengan aspek perundangan bagi menabahi mana-mana penyakit berjangkit, termasuk COVID-19.

Penulis adalah Penerimaah Falsafah Undang-Undang, Universiti Multimedia, Kampus Melaka

